



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

**PANDUAN:
PERKHIDMATAN KAD KREDIT
DAN KAD CAJ**

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

2 September 2024

Penerbitan

Tarikh: 2 September 2024.

Panduan Kad Kredit dan Kad Caj pada 20 Ogos 2018 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Kad Kredit dan Kad Caj yang dikemaskini pada 2 September 2024.

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
TERMINOLOGI.....	1
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI.....	2
PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN.....	3
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENYEDIAAN KAD KREDIT ATAU KAD CAJ	3
KADAR CUKAI PERKHIDMATAN.....	4
PERKHIDMATAN TIDAK BERCUKAI	5
PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN.....	6
PENGELUARAN INVOIS CUKAI	10
CUKAI PERKHIDMATAN GENAP MASA BERDASARKAN ASAS PERAKAUNAN	10
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR	14
PERTANYAAN	15
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST	15

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) dan perundangan subsidiarinya berkuat kuasa pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
 - (i) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
 - (ii) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2018. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Panduan ini disediakan untuk membantu pihak industri memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan kad kredit dan kad caj.

TERMINOLOGI

6. Perkataan-perkataan berikut mempunyai makna berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:
 - (i) "**Kad kredit**" ertinya kepada suatu instrumen pembayaran yang menandakan suatu barisan kredit atau pembiayaan yang diberikan oleh pengeluar kad kepada pengguna dan yang baginya, jika apa-apa amaun kredit yang digunakan oleh pengguna belum diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum suatu tarikh yang ditetapkan, maka amaun yang

belum diselesaikan itu boleh dikenakan caj faedah, untung atau caj lain [Perenggan 2, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018];

- (ii) "**Kad caj**" ertinya suatu instrumen pembayaran yang menandakan suatu barisan kredit yang diberikan oleh pengeluar kad kepada pengguna dan yang baginya apa-apa amaun kredit yang digunakan oleh pengguna mesti diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum suatu tarikh yang ditetapkan tanpa apa-apa lanjutan kredit [Perenggan 2, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018];
- (iii) "**Kawasan ditetapkan**" ertinya Labuan, Langkawi, Tioman, Pangkor dan Pulau 1 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
- (iv) "**Kawasan khas**" ertinya mana-mana zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen, Kawasan Pembangunan Bersama, dan pangkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
- (v) "**Orang berdaftar**" ertinya orang yang didaftarkan di bawah seksyen 13 atau 14, ACP 2018 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
- (vi) "**Orang kena cukai**" ertinya orang berdaftar atau orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACP 2018 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018].

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

7. Berkuatkuasa mulai 1 September 2018, penyediaan perkhidmatan kad kredit dan kad caj oleh mana-mana orang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia adalah perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan H, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

8. Kad kredit juga termasuk kad kredit jenama bersama (*co-branded credit cards*) dan kad korporat. Kad kredit jenama bersama ialah kad yang dikeluarkan bersama

oleh pengeluar kad kredit dengan peniaga/*merchant*. Pengeluar kad biasanya menawarkan faedah tambahan kepada pemegang kad seperti diskaun untuk item tertentu dan ganjaran bagi setiap pembelian. Contoh kad kredit jenama bersama adalah *AirAsia-Citibank Visa, Maybank Shopee Visa dan PETRONAS-Maybank Visa*.

9. Kad caj adalah merujuk kepada kad caj dengan pembiayaan kredit dikeluarkan oleh pengeluar kad dan amaun kredit digunakan mesti diselesaikan sepenuhnya sebelum tarikh ditetapkan. Contoh kad caj adalah *Maybank American Express*.

PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

10. Selaras dengan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk kad kredit dan kad caj kekal dikenakan pada RM25/tahun.

11. Penerangan lanjut berhubung dengan layanan peralihan perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan**.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENYEDIAAN KAD KREDIT ATAU KAD CAJ

12. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas perkhidmatan penyediaan kad kredit atau kad caj melalui pengeluaran kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan, apabila kad itu diaktifkan dan sama ada atau tidak yuran atau fi tahunan dikenakan tetapi tidak termasuk:

- (i) penyediaan perkhidmatan kad caj di mana kad caj dikeluarkan oleh mana-mana syarikat minyak kepada Kerajaan Malaysia atau mana-

mana orang bagi memperoleh produk dan perkhidmatan yang dibekalkan untuk kegunaan atau berkaitan dengan kenderaan yang dimiliki atau digunakan oleh Kerajaan Malaysia atau orang itu; atau

- (ii) penyediaan perkhidmatan kad caj di mana kad caj digunakan sebagai instrumen pembayaran hanya di dalam premis tempat kerja, institusi pendidikan atau kelab golf atau kelab sukan oleh tenaga kerja, pelajar atau anggotanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

13. Kadar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan kad kredit atau kad caj adalah berdasarkan Perenggan 3 (b), Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018 seperti berikut:

- (a) RM25 bagi setiap kad kredit utama atau kad caj utama, pada tarikh kad itu diaktifkan dan tiap-tiap dua belas bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas kad itu diaktifkan;
- (b) RM25 bagi setiap kad kredit utama atau kad caj utama, pada tarikh kad itu diperbaharui dan tiap-tiap dua belas bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas kad itu diperbaharui;
- (c) RM25 bagi setiap kad kredit tambahan atau kad caj tambahan, pada tarikh kad itu diaktifkan dan tiap-tiap dua belas bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas kad itu diaktifkan; dan
- (d) RM25 bagi setiap kad kredit tambahan atau kad caj tambahan, pada tarikh kad itu diperbaharui dan tiap-tiap dua belas bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas kad itu diperbaharui.

PERKHIDMATAN TIDAK BERCUKAI

14. Skop cukai perkhidmatan bagi kad kredit dan kad caj tidak termasuk penyediaan perkhidmatan berikut:

a) Kad debit;

Kad debit ialah instrumen pembayaran yang dihubungkan dengan akaun deposit, akaun semasa, akaun simpanan atau lain-lain akaun yang serupa di institusi kewangan yang boleh digunakan-

(i) untuk membayar barangan dan perkhidmatan;

(ii) untuk mengeluarkan wang tunai daripada mesin juruwang automatik atau mengeluarkan wang tunai di kedai runcit yang mengambil bahagian melalui penggunaan kad debit dengan mendebit akaun pengguna; atau

(iii) untuk tujuan (i) dan (ii);

Contoh kad debit ialah *CIMB Debit Mastercard* dan *Maybank Visa Debit Card*.

b) Kad bahan api;

Kad bahan api ialah kad caj yang dikeluarkan oleh syarikat minyak (contohnya Petronas atau Shell) kepada Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang untuk membeli petrol atau diesel untuk kegunaan kenderaan yang dimiliki atau digunakan oleh Kerajaan Malaysia atau orang tersebut. Contoh kad bahan api ialah Kad Shell yang dikeluarkan oleh Shell dan *SmartPay* yang dikeluarkan oleh Petronas.

c) Kad caj dalam komuniti persendirian;

Kad caj dalam komuniti persendirian ialah kad yang boleh digunakan sebagai instrumen pembayaran di dalam premis tempat kerja, institusi pendidikan atau kelab golf atau kelab sukan oleh tenaga kerja, pelajar atau ahlinya. Contoh kad caj dalam komuniti persendirian ialah kad

Sunway Pals yang dikeluarkan oleh Kolej Sunway kepada pelajarannya untuk pembelian di premis institusi pendidikan itu.

d) Kad kesetiaan (*loyalty card*); dan

Kad kesetiaan adalah suatu instrumen yang membolehkan pemegang kad mendapatkan diskaun atau mata ganjaran yang boleh digunakan untuk pembelian barangan atau perkhidmatan. Contoh kad kesetiaan ialah *BonusLink*, *Enrich*, *Petronas Mesra* dan *Petron Miles*.

e) Wang elektronik

Wang elektronik (*e-money*) ialah suatu instrumen pembayaran tanpa wang sebenar. Ia adalah instrumen pembayaran yang mengandungi nilai wang yang dibayar terlebih dahulu oleh pengguna kepada pengeluar wang elektronik. Pengguna wang elektronik menggunakan wang elektronik untuk membuat pembayaran belian barangan dan perkhidmatan kepada peniaga yang menerima wang elektronik itu. Wang elektronik boleh dikeluarkan dalam bentuk yang berbeza, seperti berasaskan kad (cth. kad *Touch n 'Go*) dan berasaskan rangkaian yang boleh diakses melalui internet, telefon bimbit atau mana-mana peranti lain (cth. *QRPay*, *Boost*, *Touch 'n Go eWallet*, dsb.).

PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN

15. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan pada tarikh pengaktifan atau pembaharuan kad kredit atau kad caj atau pada setiap dua belas bulan selepas tarikh kad diaktifkan atau diperbaharui. Pengenaan cukai perkhidmatan adalah berdasarkan kaedah di bawah:

- (i) Kad baru dikeluarkan dengan tempoh sah selama 1 tahun.

Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan pada tarikh kad baru diaktifkan.

Contoh 1

Kad kredit baru telah dikeluarkan pada 10 Januari 2019 tetapi kad hanya diaktifkan pada 3 Februari 2019. Pengeluar kad kredit hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan dalam penyata bulanan yang meliputi 3 Februari 2019.

- (ii) Kad baru dikeluarkan dengan tempoh sah selama beberapa tahun.

Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan pada tarikh kad baru diaktifkan dan pada setiap 12 bulan selepas tarikh pembaharuan.

Contoh 2

Kad kredit baru dengan tempoh sah selama lima tahun telah dikeluarkan pada 8 Mac 2019 tetapi kad hanya diaktifkan pada 4 Mei 2019. Pengeluar kad kredit hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan dalam setiap penyata bulanan yang meliputi 4 Mei 2019 dan seterusnya pada 8 Mac 2020, 8 Mac 2021, 8 Mac 2022 dan 8 Mac 2023.

- (iii) Kad dikeluarkan sebelum 1 September 2018 dan sah selama beberapa tahun.

Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan pada tarikh pembaharuan dan setiap 12 bulan selepas tarikh pembaharuan.

Contoh 3

Kad kredit baru dikeluarkan pada 18 Mei 2018 dan diaktifkan pada 26 Mei 2018 dengan tempoh sah selama lima tahun. Pengeluar kad kredit hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan dalam setiap penyata bulanan yang meliputi 18 Mei 2019, 18 Mei 2020, 18 Mei 2021 dan 18 Mei 2022.

16. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan walaupun tiada yuran keahlian tahunan dikenakan kepada pemegang kad.

17. Tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas kad baru yang dikeluarkan bagi menggantikan kad yang hilang, rosak, dicuri, diklon atau disyaki diklon dengan syarat bahawa tarikh permulaan dan tarikh luput kad kekal tidak berubah.

18. Bagi kad yang dikeluarkan dengan tempoh sah beberapa tahun tetapi kad diperbaharui sebelum tamat tempoh kerana perubahan had limit dan tarikh luput kad baru berbeza dengan tarikh luput kad lama, maka cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan pada tarikh kad baru diaktifkan dan setiap 12 bulan selepas tarikh pembaharuan. Jika tarikh luput kad baru adalah sama dengan tarikh luput kad lama, cukai perkhidmatan akan dikenakan pada tarikh kad baru diaktifkan dan kemudiannya pada tiap-tiap dua belas bulan selepas tarikh pembaharuan.

Contoh 4: Tarikh Luput Berbeza

Kad i-Am telah diperbaharui untuk tempoh lima tahun dari 1 Mei 2019 hingga 30 April 2024. Cukai perkhidmatan dikenakan pada tarikh pengaktifan iaitu 1 Mei 2019. Pada 25 September 2019, pemegang kad dan pengeluar kad menandatangani perjanjian untuk meningkatkan had kredit. Kad baru dikeluarkan pada 1 Oktober 2019 disebabkan perubahan dalam had kredit dan kemudiannya diaktifkan pada 15 Oktober 2019. Tempoh sah untuk kad baru bermula dari 1 Oktober 2019 hingga 30 September 2024. Pengeluar kad i-Am hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan untuk kad baru dalam setiap penyata bulanan yang meliputi 15 Oktober 2019 dan seterusnya pada 1 Oktober 2020, 1 Oktober 2021, 1 Oktober 2022 dan 1 Oktober 2023 walaupun cukai perkhidmatan ke atas kad lama telah dikenakan pada 1 Mei 2019.

Contoh 5: Tarikh Luput Sama

Menggunakan maklumat yang sama seperti Contoh 4 tetapi tempoh sah untuk kad baru adalah dari 1 Mei 2019 hingga 30 April 2024. Pengeluar kad-i Am hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan dalam setiap penyata bulanan yang meliputi 15 Oktober 2019 dan seterusnya pada 1 Mei 2020, 1 Mei 2021, 1 Mei 2022 dan 1 Mei 2023.

19. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan apabila kad baru dikeluarkan kerana kad lama dinaik taraf atau diturun taraf dan kad generik ditukarkan kepada kad jenama bersama atau sebaliknya.

20. Dalam keadaan di mana kad korporat ditukar kepada kad peribadi atau sebaliknya, cukai perkhidmatan akan dikenakan pada tarikh pengaktifan kad baru walaupun tarikh luput kad baru adalah sama dengan tarikh luput kad lama.

Contoh 6

Pada 1 Mac 2019 selepas kad diaktifkan, cukai perkhidmatan dikenakan ke atas kad korporat. Pada 25 Jun 2019, pemegang kad korporat meletak jawatan dan memohon kad korporat untuk ditukar menjadi kad peribadi. Kad baru dikeluarkan pada 1 Julai 2019 disebabkan perubahan status dan diaktifkan pada 15 Julai 2019. Tempoh sah untuk kad baru akan bermula dari 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2024. Pengeluar kad akan mengenakan cukai perkhidmatan dalam setiap penyata bulanan yang meliputi 15 Julai 2019 dan seterusnya pada 1 Julai 2020, 1 Julai 2021, 1 Julai 2022 dan 1 Julai 2023.

21. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas penyediaan perkhidmatan kad kredit atau kad caj yang dikeluarkan oleh cawangan pengeluar kad yang terletak di kawasan ditetapkan atau kawasan khas sekiranya tempat perniagaan utama ibu pejabat pengeluar kad terletak di Malaysia.

22. Seiring dengan perkembangan teknologi, pengeluar kad mula menawarkan kad kredit maya kepada pengguna. Kad kredit maya yang dikeluarkan sebagai penambahbaikan produk kepada kad kredit fizikal sedia ada adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

a) Tarikh pengaktifan/pembaharuan kad (*activation/renewal date*), tarikh luput (*expiry date*) dan nombor card verification value (CVV) kad kredit maya adalah sama dengan kad kredit fizikal sedia ada;

b) Hanya satu penyata atau bil kad kredit dikeluarkan kepada pelanggan berdasarkan nombor kad kredit fizikal sedia ada; dan

c) Cukai perkhidmatan telah dikenakan ke atas pengeluaran dan pembaharuan kad kredit fizikal sedia ada.

23. Walaubagaimanapun, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan sekiranya: -

a) kad kredit maya dikeluarkan tanpa kad kredit fizikal; atau

b) kad kredit maya dikeluarkan bagi menggantikan sepenuhnya fungsi kad kredit fizikal.

PENGELUARAN INVOIS CUKAI

24. Setiap orang berdaftar dikehendaki mengeluarkan invois yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan kepada pengguna berkenaan dengan transaksi itu, dalam tempoh satu tahun dari tarikh perkhidmatan bercukai itu disediakan atau tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

25. Orang berdaftar boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk sebarang butiran invois tidak dinyatakan pada invois.

26. Pengeluaran invois secara elektronik atau dalam bentuk kertas adalah dibenarkan.

CUKAI PERKHIDMATAN GENAP MASA BERDASARKAN ASAS PERAKAUNAN

27. Cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan kad kredit dan kad caj menjadi genap masa pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pemegang kad oleh pengeluar kad.


28. Jika keseluruhan atau mana-mana bahagian pembayaran tidak diterima daripada pemegang kad dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh perkhidmatan bercukai diberikan, iaitu tarikh kad diaktifkan dan setiap dua belas bulan atau sebahagian daripadanya selepas kad itu diaktifkan atau diperbaharui, cukai perkhidmatan hendaklah menjadi genap masa pada hari yang mengikuti tempoh dua belas bulan itu.

29. Cukai perkhidmatan yang genap masa hendaklah dibayar tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai penyata tersebut.

Contoh 7: Amaun Minimum Kad Dibayar Penuh

Kad kredit pemegang kad telah diperbaharui dan diaktifkan pada 8 Ogos 2019. Pada bulan September 2019, pemegang kad telah membelanjakan RM1,500. Amaun minimum yang perlu dibayar ialah RM 100 (RM75 + RM25) di mana RM25 adalah cukai perkhidmatan genap masa. Pada 23 Disember 2019, pemegang kad membayar RM100. Berdasarkan asas bayaran, pengeluar kad hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan sebanyak RM25 dalam tempoh bercukai November - Disember 2019 dan hendaklah diakaunkan dan dibayar sebelum 31 Januari 2020. Ilustrasi adalah seperti Rajah 1 di bawah.

Rajah 1



Contoh 8: Amaun Minimum Kad Hanya Dibayar Sebahagian Sahaja

Menggunakan maklumat yang sama seperti dalam contoh 7, pemegang kad hanya membayar RM50 sahaja pada 23 Disember 2019. Jika tempoh bercukai

pengeluar kad adalah dari November hingga Disember 2019, pengeluar kad hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan sebanyak RM25 dalam tempoh bercukai. Cukai perkhidmatan untuk tempoh bercukai November hingga Disember 2019 hendaklah dibayar sebelum 31 Januari 2020.


Contoh 9: Amaun Minimum Kad Dibayar tetapi Tidak Mencukupi untuk Pembayaran Cukai

Menggunakan maklumat yang sama seperti dalam Contoh 8, pemegang kad hanya membayar RM20 pada 23 Disember 2019. Pada bulan berikutnya, pengeluar kad menuntut baki cukai perkhidmatan sebanyak RM5 sebagai amaun minimum dalam penyata bulanan pemegang kad. Pemegang kad membayar baki RM5 pada 2 Januari 2020. Jika tempoh bercukai pengeluar kad adalah dari November hingga Disember 2019, pengeluar kad hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan sebanyak RM20 dalam tempoh bercukai semasa. Baki RM5 hendaklah diakaunkan dalam tempoh bercukai Januari hingga Februari 2020. Cukai perkhidmatan bagi tempoh bercukai November hingga Disember 2019 hendaklah dibayar tidak lewat daripada 31 Januari 2020 manakala cukai perkhidmatan bagi tempoh bercukai Januari hingga Februari 2020 hendaklah dibayar sebelum 31 Mac 2020.

Contoh 10: Amaun Minimum Kad Termasuk Cukai Perkhidmatan Tidak Dibayar

Kad kredit pemegang kad telah dikeluarkan pada April 2020 dan kemudian diaktifkan pada Mei 2020. Pemegang kad tidak membuat sebarang pembayaran. Penyata bulanan yang menunjukkan cukai perkhidmatan perlu dibayar telah dikeluarkan pada Mei 2020. Sehubungan itu, pengeluar kad hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan sebanyak RM25 dalam tempoh bercukai Mei 2021 hingga Jun 2021 iaitu hari selepas dua belas bulan dari tarikh perkhidmatan bercukai disediakan. Cukai perkhidmatan untuk tempoh bercukai Mei 2021 hingga Jun 2021 hendaklah dibayar sebelum 31 Julai 2021. Ilustrasi ini digambarkan dalam Rajah 2 di bawah.

Rajah 2




30. Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan bertulis cukai genap masa oleh mana-mana orang berdaftar dari asas bayaran kepada asas invois tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan patut olehnya.

Contoh 11: Amaun Minimum Kad Telah Dibayar Penuh

Kad kredit baharu pemegang kad telah dikeluarkan pada 10 Januari 2020 dan diaktifkan pada 3 Februari 2020. Pengeluar kad kredit mengenakan cukai perkhidmatan RM25 dalam penyata bulanan Mac 2020. Memandangkan pengeluar kad telah menerima pakai asas invois, maka cukai perkhidmatan sebanyak RM25 hendaklah diakaunkan dalam tempoh bercukai bulan Mac hingga April 2020 dan hendaklah dibayar sebelum 31 Mei 2020. Ilustrasi ini digambarkan dalam Rajah 3 di bawah.

Rajah 3



PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

31. Penyedia perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2018.

32. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

33. Untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran dan tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk kepada **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PjH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (i) Laman Web SST: <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Hotline : 1-300-888-500
 - Telefon : 03-8882 2100/ 2300/ 2500
 - E-mel : ccc@customs.gov.my